

FOR IMMEDIATE RELEASE

22 August 2005

MEDIA RELEASE

UEM kembangkan Pharmaniaga

BANGI 22 Ogos - UEM World Bhd. boleh menyediakan bantuan dalam rancangan pengembangan Pharmaniaga Bhd selepas menjadi pemegang saham terbesar dengan pegangan lebih 52 peratus.

“Kami boleh juga meningkatkan kekuatan UEM. Kami melihatnya sebagai langkah positif,” kata Pengarah Urusan Pharmaniaga Azhar Hussain pada sidang akhbar selepas satu taklimat di sini hari ini.

Azhar berkata UEM World, yang menguasai 52.18 peratus pegangan dalam Pharmaniaga pada 17 Ogos lepas, membuat pengumuman baru-baru ini bahawa ia akan mengekalkan status penyenaian Pharmaniaga.

“Kami dalam proses pengembangan, dengan status penyenaian akan membantu kami mendapatkan pembiayaan. Tentunya, kami kini mempunyai pemegangan saham yang kukuh,” kata beliau.

Semasa mengulas mengenai tawaran am mandatori (MGO), Azhar berkata para pelabur meninjau nilai potensi syarikat dan “keputusan yang perlu mereka tentukan sendiri”.

MGO UEM World bagi Pharmaniaga menjadi tidak bersyarat selepas jumlah saham yang dipegang melebihi 50.09 peratus.

Unit UEM World, Trinity Saga Sdn. Bhd. kini melaksanakan MGO. Tawaran berkenaan ialah pada RM5.50 sesaham.

- end -

ABOUT PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad is Malaysia's leading pharmaceuticals group and a member of the UEM Group. The company is driven by its core businesses in generic pharmaceuticals R&D and manufacturing, warehousing and distribution of pharmaceutical and medical products, sales & marketing, as well as hospital equipping provision of turnkey contract services. Pharmaniaga has also created a niche in healthcare IT solutions which forms the backbone of its operations.

Issued for the Pharmaniaga Group by Corporate Communications Division, Pharmaniaga Berhad